



## Simbiosis pembangunan mapan pelbagai dimensi untuk Daerah Maran

Jalaluddin Abdul Malek<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Jalaluddin Abdul Malek (email: jbam@ukm.edu.my)

### Abstrak

Pembangunan dalam era moden difahami berasaskan kadar pertumbuhan fiskal, ekonomi dan pembangunan modal manusia. Kemerosotan alam sekitar impak daripada pembangunan modenisasi diperbaiki melalui idea-idea pembangunan lestari. Sumber ilmunya sama ada mengguna pengetahuan kolonial atau mengambil kira kearifan lokal. Dengan merujuk kepada Pelan Struktur Daerah Maran, kajian ini memperhalusi isu pembangunan mapan yang perlu dikembang pemahamannya dan tidak hanya berkisar kepada isu penjagaan alam sekitar sahaja. Pembangunan mapan sepatutnya mengambil kira semua aspek pembangunan sama ada pembangunan fizikal, ekonomi dan pembangunan manusia yang lebih realistik. Pembangunan mapan bukan sahaja bertujuan untuk 'melestari' kan pembangunan fizikal, ekonomi dan manusia, tetapi seharusnya bersimbiosis dengan pembangunan mapan (*established*). Pembangunan mapan boleh sahaja bersifat tesis, anti-tesis dan sintesis antara sumber ilmu kolonial dengan ilmu kearifan lokal. Dalam Bajet 2015, fokus utama pembangunan mapan ialah meningkatkan taraf hidup rakyat demi merealisasikan negara maju pada tahun 2020. Dalam perbincangan ini sumber ilmu pembangunan mapan pelbagai dimensi yang dianjurkan ialah simbiosis antara ilmu kolonial dengan ilmu dan kearifan lokal. Sebagai langkah ke hadapan, simbiosis pembangunan mapan pelbagai dimensi boleh dijadikan asas pembangunan khususnya untuk kawasan Daerah Maran.

**Katakunci:** kelestarian alam sekitar, pembangunan ekonomi, pembangunan lestari, pembangunan manusia, pembangunan realistik, simbiosis

## Multi-dimensional development for Maran District: A symbiosis

### Abstract

Development in the modern era is often understood in terms of fiscal and economic growth and human capital development. Negative impacts of environmental degradation are normally mitigated through the improved ideas of sustainable development the source of which is either colonial or local knowledge. With special reference to the Structure Plan of the Maran District this study takes a closer look at the idea of sustainable development which should not only be confined to environmental sustainability issues and challenges but also include holistically all aspects of economic and human development. Realistic sustainable development should be a symbiosis of thesis, anti-thesis and synthesis between colonial and local knowledge. In Malaysia's Budget 2015, the main focus of established development is to improve people's living standards in line with the vision of Malaysia becoming a developed country by year 2020. For Maran, it was argued that such symbiosis would be instrumental to the District's moving forward in the direction of the vision.


**Keywords:** economic development, environmental sustainability, human development, realistic development, sustainable development, symbiosis

## Pengenalan

Pembangunan dalam era moden difahami berasaskan kadar pertumbuhan fiskal, ekonomi dan pembangunan manusia. Kemosrotan alam sekitar dalam era modenisasi diperbaiki melalui idea-idea pembangunan mampan (cita lestari atau *sustainable*) sama ada mengguna sumber ilmu kolonial atau sumber ilmu kearifan lokal. Perbincangan ini menyentuh isu pembangunan mampan yang perlu dinilai tambah kepada pembangunan mapan. Pembangunan mapan mengambil kira semua aspek pembangunan iaitu politik dan pentadbiran, ekonomi, demografi, sosio-budaya, infrastruktur, teknologi dan inovasi, pendidikan, perundangan dan alam sekitar (PEDSITELE). Pembangunan mapan bukan sahaja bertujuan untuk 'lestari' kan PEDSITELE, tetapi seharusnya menuju kepada cita sempurna, paripurna, *right to development* atau *established development*. Pembangunan mapan pelbagai dimensi boleh simbiosis antara ilmu kolonial dengan ilmu kearifan lokal.

## Makna pembangunan

Makna pembangunan biasanya difahami sangat bersifat subjektif. Namun, di sebalik sifat subjektif terdapat sifat objektif jika matlamat pembangunan itu dapat ditentukan dengan jelas, boleh dipercayai (trust), boleh guna, dan memberi faedah yang maksimum kepada penerima pembangunan. Pembangunan bukan bersifat mundur ke belakang, tetapi melangkah jauh maju ke hadapan (DeFillipis & Seagert 2012; Jalaluddin Abdul Malek, 2014a). Kemajuan yang dicipta melalui pembangunan boleh sahaja bersifat evolusi, revolusi dan transformasi. Kemajuan pembangunan yang dicitakan menurut Islam boleh merujuk kepada Al Quran seperti mana firman Allah swt dalam surah al-Mulk ayat 15. Dari sudut pandangan agama Islam, pembangunan merupakan satu jalan kesempurnaan syari'at iaitu Tauhid, Feqah dan Tasauf yang mencakupi aspek pemabngunan jasmani, rohani dan pemikiran. Pembangunan menurut Islam dapat mendidik manusia supaya taat perintah Allah dan RasulNya. Ini terbukti Rasulullah saw membina tamadun Madinah al-Munawarah bermula dengan tamadun manusia Islam, kemudiannya berkembang kepada kemajuan yang sangat mapan. Rasulullah saw mengajar tentang pembangunan mesti bermula dengan pemantapan budaya (pegangan), kemudian pembangunan manusia dan seterusnya pembangunan struktur (negara). Berbanding dunia moden, pemantapan struktur (negara) didahulukan, sedangkan aspek manusia dan budayanya kurang diambil kira sederap dalam strategi pembangunan mapan (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014; Jalaluddin Abdul Malek, 2014b) (Rajah 1).



Rajah 1. Pembangunan dan modenisasi

Makna pembangunan berbeza menurut pandangan pemerintah dan pentadbir, penerima pembangunan dan ahli professional. Makna pembangunan menurut pemerintah dan pentadbir ialah boleh menghasilkan kekayaan untuk negara, kemakmuran, dan kesejahteraan demi kemajuan bangsa, agama dan negara

(macro utilitarian). Faktor utama ukuran pembangunan ialah *economy fact*. Makna pembangunan dari sudut pandangan penerima pula ialah berasaskan hasil akhir yang terbaik, memberi faedah semaksimal mungkin, dan dapat mengurangkan ancaman kehidupan (micro utilitarian). Faktor utama ukuran pembangunan ialah *well being fact*. Manakala ahli professional melihat pembangunan merujuk kepada sejauh mana baiknya proses perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pembangunan (utilitarian process). Faktor utama ukuran pembangunan ialah *loyal fact* iaitu merujuk kepada proses, nilai dan etika (Sachs, 1992). Walaupun mereka memberi pandangan yang berbeza, secara umumnya semua mahu pembangunan mapan yang sejahtera iaitu pembangunan menegak kebenaran dan mencegah kebatilan (Islah) (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005).

### **Simbiosis pembangunan mampan dan pembangunan mapan**

Erti simbiosis dari sudut bahasa ialah tinggal bersama (living together). Dalam bahasa latin *syn* bermaksud 'with' dan *biōsis* bermaksud 'living'. Pengertian dari sudut amalan bermaksud hidup bersama, mempunyai persamaan, sinonim bersama, bercantum, melekat, tersulam dan sederap. Jenis simbiosis terbahagi kepada dua. Pertama simbiosis yang ada kesinambungan dan berkekalan. Kedua simbiosis yang tiada kesinambungan dan tidak berkekalan (bersifat sementara). Dalam konteks perbincangan ini merujuk kepada jenis simbiosis yang ada kesinambungan dan berkekalan. Simbiosis mempunyai sifatnya sendiri iaitu semua *stakeholders* mengambil bahagian, wajib berada dalam kesatuan yang sama, mempunyai aktiviti bersama, sedia berkongsi faedah dan keuntungan bersama, serta sanggup bersama-sama menanggung risiko (Kurokawa, 2001).

Model pembangunan di Malaysia sebagai pengisian kemerdekaan ialah model modenisasi. Melalui modenisasi konsep kesejahteraan, keadilan dan keseimbangan pembangunan telah dilaksana untuk rakyat Malaysia. Aspek ekonomi, pembangunan fizikal, dan pembangunan manusia sangat diberi keutamaan. Manakala aspek pembangunan jasmani, rohani, pemikiran dan sikap penduduk masih kurang tercapai. Setelah menyedari kelemahan tersebut, pendekatan pembangunan mampan atau lestari (Sustainable) telah diperkenalkan. Tujuan utama untuk mengekal pencapaian pembangunan yang tidak merosakkan kemakmuran dan warisan sumber alam. Aspek utama yang diberi penekanan ialah menjaga dan memulihara alam sekitar supaya tidak terancam oleh kemajuan pembangunan modenisasi (Pitzl, 2004; Jalaluddin Abdul Malek et al., 2014b). Sejak tahun 1987 seperti dalam Laporan Bruntland, motif pembangunan mampan ialah untuk cita lestari iaitu berdaya maju, mewah dan bertahan lama dalam semua sektor PEDSITELE. Persoalannya, adakah tercapai matlamat pembangunan mampan itu? Persoalan ini perlu dijawab dalam ruang lingkup pandangan dunia, bidang keilmuan dan juga amalan yang telah dilakukan sejak pengisian kemerdekaan lagi.

Paradigma yang terbaik untuk meredakan isu dan persoalan pembangunan mampan ialah mencari halatuju pembangunan yang paling tepat. Halatuju pembangunan yang paling tepat untuk dijadikan landasan ialah pembangunan mapan. Pembangunan mapan membawa maksud satu pembangunan yang menghasilkan pengukuhan, stabil atau mantap (established) dalam semua aspek PEDSITELE (al-Muqaddasi, 2001; al-Farabi, 1998). Motif pembangunan mapan ialah cita sempurna (Syed Hussein alAtas 2000) atau dikenali juga sebagai 'right to development' (Great Britain Parliament, 2013; United Nations, 2011). Erti pembangunan mapan ialah seperti mana firman Allah swt dalam Surah al-Qasas ayat 77. Berdasarkan firman Allah swt itu, tindakan Islah iaitu menegakkan kebenaran dan mengurangkan kebatilan dalam pembangunan merupakan ciri utama pembangunan mapan (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005). Pembangunan mapan mengintegrasikan kedua-dua aspek hak asasi manusia, dan teori pembangunan serta amalan yang dilakukan. Pembangunan mapan juga merangkumi semua aspek PEDSITELE. Pembangunan mapan memerlukan penyertaan aktif, bebas dan bermakna dari semua pihak malah melibatkan kedua-dua dimensi lokal, nasional dan global. Dalam pembangunan mapan, tanggungjawab negara ialah untuk mewujudkan keadaan persekitaran yang lebih baik kepada manusia, menuntut dasar pembangunan yang menyeluruh yang berpaksikan kemanusiaan. Dari segi proses, dapat

mengurangkan kerosakan dan ancaman terhadap pembangunan itu sendiri. Pembangunan mapan mengutamakan aspek pemuafakatan masyarakat dan penyertaan dalam pembangunan demi mencapai keadilan sosial dan pembahagian ekuiti yang adil. Pembangunan mapan ialah pembangunan berpaksi keupayaan sendiri (atau negara) yang mempunyai kedaulatan penuh ke atas kekayaan alam semula jadi dan sumber negara. Pembangunan mapan memang bersifat holistik serta spesifik dari sudut struktur, human agensi dan budaya. Pembangunan mapan membenarkan simbiosis antara ilmu kolonial yang baik dengan ilmu kearifan lokal (Sengupta, Negi & Basu, 2005; Jalaluddin Abdul Malek et al., 2014b).

Islah dalam pembangunan mapan jika diambil manfaat dan halatujunya dapat menzahirkan negara sejahtera dan memberi rahmat untuk semua (Baidatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur). Baidatun Toyyaibatun bermaksud negara yang mempunyai penuh kebaikan, dan dijauhi sebarang kemungkaran (musibah). Semua ini telah disebutkan dalam Surah Saba' ayat 15. Cendikiawan barat sendiri mengakui negara sejahtera menepati pembangunan mapan antaranya J.B. Colbert berkata 'Kebesaran sesuatu negara, tidak diukur dengan luas daerahnya tetapi diukur daripada watak masyarakatnya'; Robespierre berkata 'Negara yang merdeka adalah negara yang mana hak-hak manusia dihormati dan semua undang-undang bersifat adil'; Plato berkata 'Orang tidak lahir bagi dirinya sendiri, tetapi bagi negaranya'; Albert Camus berkata 'Saya perlu mencintai negara saya dan keadilan'; serta E.R. Bulwer Lythton berkata 'Setiap orang mencintai dan bangga pada negaranya sendiri, kerana dia dilahirkan di negara itu' (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014).

Paradigma pembangunan mampan kepada pembangunan mapan sebenarnya mempunyai kaitan antara hubungan mikro-makro dan makro-mikro. Motif pembangunan mapan lebih kepada cita sempurna yang disokong motif cita lestari (makro-mikro), manakala cita lestari menjadi pendukung atau petunjuk kepada pembangunan mampan (mikro-makro). Dari segi ontologi, pembangunan mapan menjaga semua aspek pembangunan supaya memberi faedah hubungan antara manusia dengan Penciptanya, hubungan manusia dengan manusia yang lain serta hubungan manusia dengan persekitarannya yang tidak terbatas kepada zaman, waktu dan tempat (Jalaluddin Abdul Malek et al., 2014a). Dari segi metod, pembangunan mapan berasas kepada metod simbiosis yang bersifat melekat dan sederap (tidak memisahkan) dalam pelbagai sektor pembangunan sehingga menutup ruang-ruang ancaman pembangunan. Manakala dari segi nilai (axiology), pembangunan mapan dinilai kepada etika, estetika dan spiritual iaitu gabungan aspek material dan non-material dalam semua aspek PEDSITELE. Kesimpulannya, konsep simbiosis (sederap) pembangunan mapan merupakan paradigma kepada pembangunan mampan. Simbiosis pembangunan mapan boleh mengurangkan kelemahan, kejadian buruk dan ancaman terhadap kemajuan pembangunan PEDSITELE (Jalaluddin Abdul Malek, 2014a).

Dalam membicarakan pelaksanaan pembangunan mapan di peringkat lokal, usaha menterjemah keperluan pembangunan lokal supaya sesuai dengan keperluan tempatan perlu dilakukan. Pembangunan mapan yang partikular memerlukan pemuafakatan bijak di antara pelaksana pembangunan dengan penerima pembangunan. Dalam era transformasi, konsep *intelligent governance* boleh diguna pakai sebagai wadah kepada pemuafakatan bijak dalam pembangunan (Jalaluddin Abdul Malek, 2012). Konsep *Intelligent governance* memerlukan kearifan lokal untuk merancang halatuju pembangunan mapan yang sesuai dengan perubahan iklim tempatan. Akhirnya, pembangunan mapan melahirkan generasi penerima pembangunan yang berilmu pengetahuan tinggi, bertanggung jawab, mampu menyumbang dan menjadi pencetus kemajuan kepada masyarakatnya (Syari'ati, 1986; Syari'ati, 1989; Sengupta et al., 2005).

## **Pembangunan mapan, ilmu kolonial dan kearifan lokal**

**Ilmu kolonial;** Merujuk ilmu colonial, paradigma pembangunan mampan masih berkisar kepada persoalan kemajuan ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran yang berpaksi kepada matlamat kebendaan negara maju (DeFilippis & Saegert, 2012; Syari'ati, 1989). Berdasarkan pengalaman lalu, bila sesuatu negara menerima pembangunan modenisasi dari negara maju sering kali terjadi mereka yang lebih beruntung ialah golongan berkuasa dan kaya kerana mempunyai modal yang lebih besar serta menguasai

teknologi yang lebih maju. Negara dunia ketiga seolah-olah tidak mempunyai pilihan terpaksa mengguna idea modenisasi ilmu kolonial atas sebab-sebab kepentingan dunia perniagaan dan faktor-faktor politik. Ukuran kemajuan pembangunan cuma dilihat kepada berapa banyak pendapatan dari modal yang dilaburkan. Ukuran ekonomi makro serta pertumbuhan ekonomi mikro menjadi petunjuk utama iaitu KNK dan KDNK (Willis, 2005). Pendekatan pertumbuhan dan agihan digunakan sebagai ukuran objektif yang bersifat kuantitatif. Pendekatan ini berkembang sekitar awal 1970an yang melihat perkembangan ekonomi makro seperti KNK, KDNK dan inflasi. Semua ukuran tersebut diyakini dapat membedakan kemajuan sesuatu negara sama ada yang mundur, sedang maju dan negara maju. Hasilnya, melahirkan paradigma kebergantungan yang dipelopori oleh negara maju ke atas negara mundur sama ada dari sudut modal dan teknologi (Cardoso & Faletto, 1979).

Strategi pendekatan Tata Baru Dunia (New World Order) pula muncul selepas berakhir era perang dingin untuk mengawal semua negara dunia agar tidak terjadi bencana pertumbuhan ekonomi yang malap, pertumbuhan penduduk tidak terkawal, peningkatan pencemaran alam sekitar dan menjaga sumber warisan akan datang. Dominasi MNCs dan TNCs juga meluas terhadap ekonomi negara dunia ketiga. Gagasan *New World Order* (tata baru dunia) juga dilancarkan dengan tujuan kononnya untuk melindungi ekonomi negara dunia ketiga. Teori, pendekatan dan amalan keperluan asas (Basic needs) diamalkan supaya kemajuan ekonomi negara sebelah Utara dan Selatan seimbang. Bagi mengawal piawai pembangunan oleh negara maju kepada negara dunia ketiga, pendekatan kelestarian atau mampan dalam pembangunan dilancarkan. Isu kesan pemanasan global (global warming) banyak dibeban kepada negara dunia ketiga sedangkan negara maju juga turut menyumbang. Bagi meredakan pertikaian, pembangunan mampan tidak hanya menyentuh soal penjagaan alam sekitar, tetapi bertujuan untuk kemajuan semua aspek pembangunan PEDSITELE. Melihat kepada pendekatan pembangunan daripada ilmu kolonial, pendekatan pembangunan yang dikemukakan belum lagi jelas dari segi keikhlasan negara maju untuk membantu pembangunan negara yang kurang maju. Sudah masanya negara kurang maju dan negara sedang maju perlu balik kepada semangat jati diri mengguna kearifan lokal untuk merealisasikan pembangunan mapan.

**Kearifan lokal;** Perbincangan sumbangan kearifan lokal dalam pembangunan mapan boleh dilihat dari dua sumber ilmunya. Pertama, sumber ilmu tamadun asal kawasan nusantara. Kedua, dari sumber ilmu tamadun Islam hasil kedatangan Islam. Dalam kawasan nusantara pembangunan mapan sudah lama diterjemah berdasar kepada tamadun yang wujud hasil kearifan lokal masyarakat nusantara sendiri. Kerajaan-kerajaan meretim seperti Sriwijaya, Gangga Negara, Kedah Tua, Langkasuka, dan Empayar Melaka banyak melahirkan idea dan pelaksanaan pembangunan mapan hasil kearifan lokal masyarakatnya. Taromba Melayu misalnya banyak mengandungi kearifan lokal yang menjadi panduan kemajuan tamadun sama ada berpaksikan Istana, berpaksikan keDatuan atau berpaksikan kearifan lokal rakyat jelata. Taromba Melayu boleh didapati sama ada secara lisan atau tertulis. Antara skop pembangunan mapan Taromba Melayu ialah berkaitan dengan institusi tempatan, adat dan hukum, etika dan estetika, biografi keturunan serta menyentuh aspek kewilayahan pemerintahan. Antara Taromba Melayu yang menggambarkan kearifan lokal pembangunan mapan seperti catatan pada Batu Bersurat Prasasti Talang Tuwo kerajaan Sriwijaya Palembang pada Abad ke 7 mengenai pembangunan Taman Negara Sriksetra untuk menjaga alam sekitar yang mampan dan mapan. Kitab Kasipalli (turun temurun) dari kerajaan Melayu-Bugis-Makassar Sulawesi Selatan yang membicarakan tentang menjaga adat, alam persekitaran dan sumber alam untuk warisan generasi yang akan datang sehingga kini pembangunan mapannya diamalkan oleh suku Kajang di Sulawesi; Ketiga, sastera lisan Bujang Tan Domang (BTD) asalnya daripada dituturkan secara lisan di antara orang Petalangan, suku asli Riau yang hidup di empat kecamatan di Kabupaten Kampar, Riau (Effendy, 1997). BTD membicarakan perkara mengenai adat dan perlembagaan sosial yang mengatur kehidupan orang Petalangan, termasuk yang berkaitan dengan kekuasaan atas hutan-tanah (tanah ulayat). Kitab Simbur Cahaya daripada Kerajaan Palembang pada Abad 17 Masehi bertujuan mengatur pemerintahan, menjaga wilayah dan sumber alam negeri untuk melahirkan negara yang aman dan makmur. Seterusnya, Kitab Babul Qawai'd daripada Kerajaan Siak pada Abad 18-19 Masehi yang mengandungi hukum adat pembatasan wilayah pemerintahan, nilai-nilai

yang perlu dipatuhi untuk menjadi rakyat yang madani dan mengatur pembangunan negeri supaya menjadi mapan.

Kearifan lokal bersumberkan ilmu Islam juga tidak kurang menyumbang kepada kemajuan pembangunan mapan tamadun Nusantara seperti falsafah pembangunan negara al-Madina al-Fadila oleh al-Farabi (872 – 951 M) Abad ke 10. Pembangunan al-Madina al-Fadila menekankan aspek kesatuan (ta'awun), kebahagiaan (al-sa'adah), masyarakat yang unggul (insan al-kamil) dan Khalifah yang bijak dan adil (al-Umara) (al-Farabi, 1998). Konsep negara al-Madina al-fadila ini mempunyai kaitan dengan teras pembentukan perlembagaan negara iaitu Islam, Raja dan Melayu. Islam merujuk kepada simbol dan sumber ilmu, Raja merujuk kepada simbol kekuasaan khalifah, pemerintahan dan keadilan, manakala Melayu merujuk kepada simbol rakyat bersatu padu dan ketaatannya. Konsep pembangunan mapan ahsan al-Taqasim oleh al-Muqaddasi (945-991 M) Abad ke 10 juga menjadi asas pembangunan kota mapan. Sumber ilmunya berasaskan Al-Quran, Hadis, itjimak dan qias di mana elemen tanah, air, udara dan api menjadi unsur utama pembangunan mapan kota. Al-Muqaddasi ialah sarjana pertama yang memperkenalkan konsep hirarki atau *ranking* pembangunan kota (al-Muqaddasi, 2001). Konsep hirarki yang diperkenalkan al-Muqaddasi adalah lebih awal dari teori hirarki *Central Place Theory* oleh Christaller pada tahun 1933 (Pitzl, 2004) serta ukuran indeks kemajuan seperti *Human Development Index* oleh United Nations.

Kearifan lokal pembangunan mapan dalam dunia moden juga terdapat unsur-unsur Islam. Sya'riati (1986) melihat unsur pemikiran manusia menjadi perkara pokok kemajuan pembangunan mapan. Tamadun boleh maju atau mundur jika pemikiran manusia boleh berubah daripada intelektual konservatif kepada intelektual progresif. Manusia bukan sahaja mendidik diri menjadi muslim, mukmin, muhsin, mukhlis atau mutaqqin tetapi dapat menjadi pemikir, *reform* dan pencetus (Rausyanfikir) terhadap tamadun masyarakat mereka. Bermula daripada Rausyanfikir jatidiri, Rausyanfikir kelompok atau masyarakat, Rausyanfikir nasional, Rausyanfikir serantau sehinggalah kepada Rausyanfikir ummah (global). Pembangunan berasaskan *Sufism* oleh Mohd Fathullah Gullen telah menjadi pencetus kepada pembangunan mapan. Melalui Yayasan Hezmet, Gullen telah berjaya membuat kebajikan kepada semua manusia yang layak tanpa mengira agama, bangsa dan negara. Bagi Gulen (2005), agama Islam adalah rahmat seluruh alam yang selayaknya memberi manfaat kepada sejagat. Unsur *Sufism* iaitu menjadi manusia yang cemerlang (insan al kamil) yang mampu membangun bidang fizikal, spiritual dan mental, serta niat yang betul. Malaysia tidak kurang mempunyai kearifan lokal untuk pembangunan mapan seperti Wawasan 2020, transformasi Model Ekonomi Baru (MEB), Gagasan 1Malaysia, program Bandar Selamat, Desa Lestari, Komuniti Sejahtera, Komuniti 1Malaysia, serta falsafah perancangan dan pembangunan sejagat oleh JPBD (2011).

## **Simbiosis pembangunan mapan**

Sumber ilmu kolonial dan kearifan lokal boleh disimbiosis untuk menjadi panduan kepada kegiatan merancang, membangun dan mengurus pembangunan mampan supaya menjadi pembangunan mapan. Nilai-nilai baik kemajuan ilmu kolonial perlu diambil sempadan dengan tidak mengeneipkan kearifan lokal yang ada. Simbiosis tersebut terkandung dalam tiga aspek perubahan iaitu perubahan struktur, human agensi dan budaya. Perubahan struktur menyentuh kepada persoalan yang berkaitan dengan polisi, pemerintahan, mekanisme pentadbiran infrastruktur, dan governan. Perubahan human agensi menyentuh persoalan yang berkaitan dengan pembangunan manusia seperti modal insan, modal sosial, dan modal pengetahuan. Perubahan budaya menyentuh persoalan berkaitan dengan budaya, kepercayaan, amalan, pegangan, anutan dan ikutan seperti sikap, pemikiran, daya usaha, keupayaan, etika, estetika dan moral (Preston, 1996; Preston, 2011).

Dalam memahami makna pembangunan mapan, pihak pemerintah (struktur) mesti berpegang kepada hasrat untuk memakmur dan mensejahterakan negara dengan merangka polisi, strategi dan tindakan yang paling sesuai dan adil. Pihak human agensi (manusia) pula perlu rela hati menerima pembangunan,

berupaya mengguna ilmu pengetahuan dan amalan yang baik demi mencapai kebahagiaan hakiki dalam pembangunan mapan. Manakala penyediaan persekitaran budaya yang sesuai untuk daya huni (berdaya huni) adalah tanggung jawab bersama antara pihak pemerintah (struktur) dan rakyat jelata (human agensi). Hubungan timbal balik ketiga-tiga aspek struktur, human agensi dan budaya tadi dapat menghasilkan kehidupan generasi yang mewah (berpendapatan tinggi), mempunyai persekitaran taraf hidup yang wajar, taraf kualiti hidup yang tinggi dan dapat menemui kebahagiaan yang hakiki. Namun, ketiga-tiga hubungan timbal balik tadi memerlukan penghubung (relational) yang mengikat dan mengubung sederap (symbiosis) semua kemajuan aspek PEDSITELE untuk pembangunan mapan. Dari sudut struktur, perlu ada penghubung antara *stakeholders* pembangunan mapan misalnya ruang untuk bekerjasama antara kerajaan, pihak swasta, pihak universiti, NGOs dan NPOs, serta pihak awam sendiri (Jalaluddin Abdul Malek et al., 2014a; Jalaluddin Abdul Malek, 2010). Manakala dari sudut human agensi, pihak penghubungnya ialah ahli profesional dan pertubuhannya yang mendidik masyarakat tentang pembangunan mapan sama ada melalui seminar, kempen, majlis penerangan atau memberi latihan menurut kurikulum pendidikan pembangunan yang mapan. Dari sudut persekitaran budaya pula, perlu ada elemen penghubung sokongan yang merealisasikan perjalanan halatuju pembangunan mapan seperti penggunaan jaringan ICT, media sosial, jaringan sosial, khidmat masyarakat dan sukarelawan, serta menunjukkan tata susila yang baik untuk dicontohi (Lange, 2004). Jika semua kesepaduan hubungan ini bertindak efisien, bermakna cita sempurna pembangunan mapan seperti mana yang dianjurkan dapat direalisasikan.

Perkembangan pembangunan nasional sekarang menuntut transformasi yang jelas sama ada di peringkat kerajaan, peringkat sektor ekonomi dan rakyat. Slogan 'Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan' boleh berjaya jika kita semua bertindak berasaskan kearifan lokal. Negara kita sudah mencapai kemerdekaan 57 tahun dan telah banyak proses modenisasi yang dialami. Namun begitu sehingga kini masih terdapat-cari model pembangunan menurut acuan sendiri yang sesuai dengan penduduk negara yang berbilang kaum, kepercayaan dan agama. Dalam era transformasi ini selain daripada memahami keperluan sebenar rakyat (input, proses dan *output*), halatuju pembangunan mapan juga perlu hasil yang lebih murni (*outcome* dan impak) supaya kemajuan material tidak menenggelamkan kemajuan bukan material. Simbiosis ilmu kolonial dan kearifan lokal tersimpul dalam strategi lautan biru (Blue Ocean Strategy - BOS). Strategi BOS melihat pembangunan berdasarkan permintaan, iaitu mengenal pasti keperluan sebenar rakyat hasil rundingan dan muafakat (collaborative) dengan *stakeholders*. Strategi BOS memberi peranan kepada rakyat sebagai pengeluar dan penyumbang kepada pembangunan negara. Strategi BOS juga mahu rakyat berilmu pengetahuan sebagai modal pemeraksanaan dalam pembangunan negara demi mencapai pembangunan mapan. Kesimpulannya, simbiosis antara ilmu kolonial dan kearifan lokal tidak merugikan negara dalam era transformasi ini untuk mencapai pembangunan mapan di samping pembangunan mampan. Kekuatan jatidiri perlu ada supaya ada kemampuan untuk menolak idea-idea pembangunan yang tidak sesuai dengan iklim dan kehendak penduduk negara ini. Bertindak sebagai Rausyanfikir (pencetus, pengubah dan reform) perlu ada pada semua pihak sama ada pemerintah, pentadbir dan rakyat supaya pembangunan mapan menjadi realiti dan mudah mencapai objektif (Syari'ati, 1989).

## **Pencapaian pembangunan mapan Daerah Maran**

Pencapaian pembangunan mapan pelbagai dimensi Daerah Maran boleh dilihat bila dibandingkan dengan pencapaian pembangunan mapan semua daerah dalam Negeri Pahang. Tujuan utama ialah untuk melihat kekuatan dan kelemahan yang ada supaya dapat bersama-sama merangka halatuju pembangunan mapan pada masa hadapan. Pencapaian pembangunan mapan tersebut boleh dilihat dari sudut kemajuan struktur, pembangunan manusia (human agency) dan aspek budaya.

**Struktur;** Unjuran KDNK (RM juta) Daerah Maran antara tahun 2000-2020 pada harga 1987 mengikut sektor ialah; sektor pertama iaitu pertanian, perlombongan dan kuari RM136 atau 32.9% (2000)

kepada RM295 juta atau 16.3% (2020); sektor kedua iaitu pembuatan dan pembinaan RM133 juta atau 32.4% (2000) kepada RM888 juta atau 47.7% (2020); manakala sektor ketiga iaitu perdagangan, pengangkutan, kewangan dan perkhidmatan sosial berkembang dari RM151 juta atau 36.7% (2000) kepada RM692 juta atau 38% (2020) (MDM, 2010; Jabatan Perangkaan Malaysia 2012). Ini bermakna sehingga tahun 2020 teras ekonomi Daerah Maran tertumpu kepada sektor kedua dan sektor ketiga. Persoalannya sejauh mana perkembangan ekonomi ini boleh berjalan lancar sekiranya keadaan demografi penduduk di Daerah Maran masih lagi rendah dari sudut ekonomiknya. Pada tahun 2012, jumlah penduduk Daerah Maran ialah 116,800 orang atau 59 orang per km persegi berada pada ranking keempat berbanding daerah lain seperti Kuantan (R1), Temerloh(R2) dan Bentong (R3) (Bahagian Perancang Ekonomi N. Pahang, 2013). Daerah Maran seharusnya mempunyai strategi meramaikan lagi jumlah penduduk. Unjuran penduduk menurut RTD Maran iaitu pertambahan dari 123,896 orang (2010) kepada 140,276 orang (2020) kurang ekonomik. Oleh sebab itu usaha perlu dilakukan segera untuk menambah jumlah penduduk tadahan kawasan Maran.

Merujuk kepada penawaran unit kediaman pada tahun 2013, Daerah Maran masih jauh ketinggalan berbanding dengan daerah lain. Penawaran rumah teres satu tingkat dan rumah kos rendah misalnya hanya menduduki ranking kesembilan dan kesepuluh berbanding Daerah Bera yang menduduki ranking kelima dan keenam (JPPH, 2013a). Penawaran ruang perdagangan dan perniagaan Daerah Maran menduduki ranking keenam berbanding daerah lain walaupun dari segi kadar pemilikan sudah mencapai 100% iaitu ranking pertama berbanding dengan daerah lain. Ini bermakna permintaan terhadap ruang perdagangan dan perniagaan tetap tinggi jika penduduk Daerah Maran bertambah (JPPH, 2013b). Dari sudut penawaran ruang industri pula, keluasan ruang industri jenis teres Daerah Maran cuma menduduki ranking kesepuluh berbanding dengan daerah lain, manakala ruang industri jenis terpisah (detach) menduduki ranking kedua berbanding daerah lain (JPPH, 2013c). Ini bermakna penawaran dan permintaan perumahan, premis perdagangan dan industri boleh meningkat jika rebakan bandar dari lembah Kuantan dan Lembah Klang diambil peluang dengan usaha menambahkan jumlah penduduk.

Dalam sektor ekonomi utama seperti ternakan, Daerah Maran menduduki ranking pertama dalam pengeluaran ternakan ayam dan ranking keempat dalam pengeluaran ternakan lembu (Bahagian Perancang Ekonomi N. Pahang, 2013). Ini bermakna Daerah Maran berpotensi menjadi pengeluar utama bekalan daging lembu tempatan dan ayam kampung. Keadaan ini sejajar dengan moto Bandar Maran sebagai 'Bandar Ayam Kampung'.

**Pembangunan Manusia;** Pendapatan purata isi rumah di Pahang pada tahun 2012 ialah sebanyak RM3,745 iaitu masih jauh lagi dengan purata pendapatan isi rumah nasional iaitu RM5,000. Sedangkan indeks harga pengguna di negeri Pahang meningkat pada tahun 2012 daripada 104.4 pada bulan Januari, kepada 104.9 pada bulan Jun dan terus meningkat kepada 105.8 pada bulan Disember (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang, 2014b). Kenaikan indeks harga pengguna ini jika tidak dikawal boleh menjejaskan taraf hidup isi rumah kerana menghadapi harga barangan keperluan yang semakin mahal. Kadar kemiskinan di negeri Pahang pada tahun 2012 ialah 1.3%, manakala kadar kemiskinan tegar ialah 0.2% iaitu sama dengan kadar kemiskinan tegar nasional. Kadar kemiskinan ini dilihat dari sudut pendapatan isi rumah yang kurang daripada RM720 (miskin) dan kurang daripada RM430 (miskin tegar) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Dalam menuju pembangunan mapan, kemiskinan yang difahami bukan sahaja dari sudut kekurangan pendapatan, tetapi merujuk juga kepada kemiskinan terhadap peluang, kemiskinan jiwa dan kemiskinan moral seperti terlibat dengan jenayah, penagihan dadah dan keruntuhan rumah tangga. Dari segi sumbangan tenaga pekerja profesional kepada negara pada tahun 2011, Negeri Pahang masih pada tahap rendah iaitu 3.7% berbanding dengan Negeri Johor (8.5%), Perak (7.6%) dan Sabah (7.6%). Manakala enrolmen kemasukan ke Universiti Negeri Pahang semakin menurun iaitu daripada 11,515 orang pada tahun 2011 kepada 10,947 orang sahaja pada tahun 2012 (KPM, 2013). Manakala kemasukan pra universiti mengikut daerah didapati Daerah Maran berada dalam kedudukan ranking ketiga untuk jumlah murid tingkatan enam berbanding dengan daerah lain. Namun begitu, tiada calon pra universiti dari kolej komuniti pada tahun 2012 kerana Daerah Maran belum mempunyai Kolej Komuniti (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Sehubungan itu, untuk meningkatkan



enrolmen kemasukan rakyat Negeri Pahang melanjutkan pelajaran ke universiti, Daerah Maran perlu memperbanyakkan institusi pendidikan melalui pogram 'Daerah Pintar' atau 'Daerah Berpengetahuan'.

**Budaya;** Berdasarkan kejadian jenayah yang berlaku pada tahun 2012 daerah di negeri Pahang, Daerah Maran menduduki ranking keenam kejadian jenayah setiap 100,000 penduduk, berbanding dengan Daerah Kuantan dan Bentong pada ranking pertama dan kedua. Namun begitu dari segi jumlah JKKK, kemudahan balai polis dan pondok polis dibanding dengan kepadatan penduduk setiap daerah ianya seperti tidak seimbang dengan kadar kejadian jenayah. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013; AADK, 2012). Pebandingan Daerah Bera dengan Daerah Maran sebagai contohnya, bilangan JKKK dan balai polis lebih rendah di Daerah Bera berbanding dengan Daerah Maran. Tetapi ranking kejadian jenayah setiap 100,000 penduduk di Daerah Bera menduduki tempat ke 10 berbanding dengan Daerah Maran menduduki ranking keenam. Begitu juga bilangan pesalah juvana pada tahun 2012, Daerah Maran menduduki ranking kelima berbanding dengan Daerah Bera ranking kesembilan. Peratus penagih dadah Daerah Maran menduduki ranking pertama dalam negeri Pahang, sedangkan peratus penagih dadah di Daerah Bera pada ranking keempat (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang, 2014a). Dari segi keselamatan jalan raya pula didapati bilangan kemalangan jalan raya yang berlaku di Daerah Maran pada kedudukan ranking keempat di belakang Kuantan, Bentong dan Temerloh. Bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya di Daerah Maran menduduki ranking ketiga di belakang Daerah Kuantan, Temerloh dan Bentong (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Program Bandar Selamat perlu diperkasa demi mencapai 'Ke Arah Komuniti Sejahtera' Daerah Maran (KKBPKT, 2014).

## Halatuju pembangunan mapan Daerah Maran

Berdasarkan pencapaian pembangunan Daerah Maran, halatuju pembangunan mapan untuk Daerah Maran berasaskan tiga teras pembangunan iaitu pembangunan struktur, pembangunan manusia (human agensi) dan pembangunan budaya. **Pembangunan Struktur;** pembangunan mapan perlu ada visi dan misi yang menjadi teras pembangunan Daerah Maran seperti mana dalam Rancangan Tempatan Daerah Maran 2020 (MDM 2010). Antara visinya ialah 'Ke arah Pembangunan Daerah yang maju, progresif dan dinamik menjelang tahun 2020'. Untuk mencapai vis, bandar Maran perlu menjadi pusat institusi pendidikan, serta pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) peringkat nasional dan negeri. Misi berikutnya menjadikan Daerah Maran sebagai zon limpahan industri berasaskan eksport dan industri tempatan. Berdasarkan visi dan misi yang dinyatakan jelas sekali halatuju pembangunan Daerah Maran khususnya bandar Maran ialah sebagai pusat pembelajaran, penyelidikan dan perindustrian.

Bandar Maran boleh berkembang sebagai pusat pendidikan dan R&D jika mempunyai rancangan menjadikan Daerah Maran sebagai 'Daerah Pintar' atau 'Daerah Pengetahuan'. Konsep Daerah Pintar ini mampu menjana pertumbuhan penduduk hasil penglokasian institusi pendidikan dan institusi R&D. Apa bila institusi tadi diwujudkan, peluang pekerjaan dalam institusi tersebut dapat membuka banyak peluang pekerjaan dalam sektor lain. Keperluan asas dan keperluan perkhidmatan tentunya semakin bertambah hasil daripada pertumbuhan penduduk seperti kemudahan hospital, sekolah, bangunan kedai dan kegiatan peruncitan boleh berkembang. Secara tidak langsung suasana ini dapat meningkatkan ekonomi penduduk tempatan. Daerah Maran juga mampu menjadi kawasan limpahan untuk industri perumahan hasil perkembangan industri perumahan di lembah Kuantan, Pekan dan Lembah Klang yang mana harga rumah semakin tinggi di kawasan tersebut. Melalui sumber tanah yang masih murah Daerah Maran mampu menjadi kawasan perumahan kos sederhana, kos sederhana rendah dan rumah kos rendah untuk menampung keperluan perumahan di Kuantan, Pekan, Temerloh dan di Lembah Klang. Untuk menjadi Daerah Pintar yang mapan, kaedah pembangunan yang hendak dilaksana perlu ada proses analisis keperluan pembangunan (Development Needs Analysis-DNA) kemudian disusuli prosedur operasi standard pembangunan (Development Standard Operation Procedure - DSOP) dan yang terakhir analisis impak pembangunan (Development Impact Assessment - DIA) (Jalaluddin Abdul Malek & Norizan Abd Razak, 2010).

**Pembangunan Manusia (Human agensi);** Halatuju pembangunan Daerah Pintar Maran perlu ada iltizam untuk melahirkan generasi belia tempatan yang kukuh dari segi modal insan dan modal sosialnya (Smith & Reilly 2013). Sebagai daerah hub pembelajaran dan R&D, generasi belia mudah terdedah dengan budaya keusahawanan, budaya niaga dan budaya kreativiti dan inovasi terhadap teknologi. Kesenambungan antara pendidikan sekolah dengan pengajian tinggi dan teknikal menjadikan Daerah Maran mampu melahirkan generasi muda dan belia yang berketrampilan dalam dunia pasaran pekerjaan. Sekiranya perkara ini dapat direalisasikan, kerancangan pembangunan Daerah Maran menjadi Daerah Pintar dapat menghalang penghijrahan generasi belia ke bandar-bandar. Belia yang menuntut di pusat pengajian tinggi akan pulang ke Daerah Maran untuk berkhidmat di tempat sendiri dalam semua sektor ekonomi.

**Pembangunan Budaya;** Syarat utama kejayaan pembangunan mapan ialah kemantapan pembangunan budaya. Pimpinan dan penduduk mesti ada budaya cakna kepada perkembangan ekonomi wilayah. Pada hari ini kemajuan ekonomi sangat cepat berubah dan jika tidak cakna terhadap perubahan sosio ekonomi maka peluang untuk maju sukar diperolehi berbanding dengan tempat-tempat lain yang bijak mengambil peluang daripada perubahan sosio ekonomi. Kedua, tingkatkan budaya perniagaan dan budaya inovasi di kalangan generasi belia dengan membanyakkan program berkala pengajian teknikal dan kemahiran supaya dapat mendidik mereka menjadi generasi mencipta pekerjaan dan membuka peluang pekerjaan kepada orang lain. Ketiga, tingkatkan semangat jatidiri dan kemahuan untuk berkhidmat demi kemajuan tempat sendiri. Saluran pendidikan agama dan keazaman politik sivil boleh menjadi pencetus kepada penduduk untuk menjadi warga daerah yang mempunyai semangat jatidiri dan kemahuan yang kuat. Keempat, menyegerakan program *revised migration* (pulang ke kampung halaman) dengan menyedarkan generasi muda bahawa sumberjaya di kampung boleh menjadi sumber ekonomi untuk kekayaan dan kemewahan. Membuka ruang dan peluang untuk generasi yang akan duduk di kampung supaya terlibat dalam pertanian komersial berasaskan makanan, perubatan dan industri berasaskan produk makanan seperti tanaman herba, ternakan lembu, dan pengeluaran produk halal. Kelima, semarakkan program penyediaan pemimpin pelapis di antara *Local Champions* (yang bermastautin) dengan *Local Intellectual* (generasi cerdik pandai yang berkhidmat di luar). Simbiosis pemimpin pelapis ini secara tidak langsung akan mempercepatkan proses peralihan kepimpinan kampung yang sesuai dengan perubahan zaman dan kehendak kemajuan mapan (Jalaluddin Abdul Malek et al., 2014b).

## Kesimpulan

Berdasarkan pencapaian pembangunan Daerah Maran dalam aspek struktur, human agensi dan budaya, didapati ada pencapaian positif dan ada mencapai keputusan yang negatif. Namun yang paling penting semua pihak perlu bersatu tenaga khusus penduduk untuk membangun sebagai daerah maju pada tahun 2020. Penduduk Daerah Maran mesti mempunyai iltizam dan cita-cita untuk memperjuangkan pembangunan mapan. Penduduk Daerah Maran terutama generasi belia perlu mempunyai pemikiran Rausyanfikir yang mampu menggerakkan Islah dengan mengguna sumber yang ada seperti ilmu kearifan lokal yang boleh dimanfaatkan.

## Rujukan

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) (2012) *Maklumat dadah 2012*. AADK, Kementerian Dalam Negeri, Kajang, Selangor.
- al-Farabi AN (1998) *On the perfect state* (terj.). KAZI Publications, Chicago.
- Al-Muqaddasi (2001) *The best divisions for knowledge of the regions* (terj.). Garnet Publishing, Reading, UK.

- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang (2013) Laporan Ekonomi Negeri Pahang Darul Makmur 2010-2011 'Pahang Menjana Transformasi'. Kuantan. Bahagian Pembangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.
- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang (2014a) Laporan Ekonomi Negeri Pahang Darul Makmur 2012-2013 'Pahang Menjana Transformasi'. Kuantan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.
- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang (2014b) Data Asas Pahang 2012-2013 'Pahang Menjana Transformasi'. Kuantan. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.
- Cardoso FH, Faletto E (1979) *Dependency and development in Latin America* (terj.). University of California Press, Berkeley.
- DeFilippis J, Saegert S (2012) *The community development reader*. Routledge, London.
- Effendy T (1997) Bujang Tan Domang: Sastera lisan orang petalangan. Yayasan Bentang Budaya, Yogyakarta.
- Great Britain Parliament, House of Commons, International Development Committee (2013) Post-2015 Development Goals: Eighth Report of Session 2012-13, Vol. 1: Report, Together with Formal Minutes, Oral and Written Evidence (House of Commons Papers). London. Series: House of Commons Papers.
- Gulen MF (2005) *The statue of our souls: Revival in Islamic thought and activism*. The Light, Inc., New Jersey, USA.
- Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) (2013a) Jadual Stok Harta Kediaman Q4 -2013. Pusat Maklumat Hartanah Negara, JPPH, Putrajaya.
- Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) (2013b) Jadual Stok Harta Perdagangan Q4 -2013. Pusat Maklumat Hartanah Negara, JPPH, Putrajaya.
- Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) (2013c) Jadual Stok Harta Industri Q4 -2013. Pusat Maklumat Hartanah Negara, JPPH, Putrajaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2013) Perangkaan Sosial Negeri/Daerah Malaysia 2013. Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2012) Bank data negeri / daerah Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia. (JPBD) (2011) Falsafah perancangan dan pembangunan sejagat. JPBD, KPKT, Kuala Lumpur.
- Jalaluddin Abdul Malek (2010) Informative global community development index of intelligent city. *WSEAS TRANSACTIONS ON INFORMATION SCIENCE AND APPLICATIONS* 7 (1), 112-121.
- Jalaluddin Abdul Malek (2012) Membangun pekerja pengetahuan di Kawasan *Technopole*: Merealisisi permuafakatan pintar industri kecil dan sederhana di BHTV dan MSC. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 8 (7), 111-124.
- Jalaluddin Abdul Malek (2014a) Intelektual Pembangunan: Antara yang menyumbang dan mendendang. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 10 (1), 147-159.
- Jalaluddin Abdul Malek (2014b) Wacana pemikiran *techno cities* tentang bandar pengetahuan. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 10 (2), 80-94.
- Jalaluddin Abdul Malek, Norizan Abdul Razak (2010) The digital social impact in ICT literacy Programme for rural community. *WSEAS TRANSACTIONS ON INFORMATION SCIENCE AND APPLICATIONS* 7 (1), 1305-1314.
- Jalaluddin Abdul Malek et al. (2014a) Sustainable environmental management and preservation knowledge among multi-ethnic residents. *Asian Journal of Scientific Research* 7 (4), 546-560.
- Jalaluddin Abdul Malek et al. (2014b) Symbiotic relationship between telecentre and lifelong learning for rural community development: A Malaysia experience. *TOJET, The Turkish Online Journal of Educational Technology* 13 (3), 148-155.

- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KKBPKT) (2014) NBOS: Kejiranan Indah Baik Pulih Taman Jengka Impian Dengan Kos RM1.32 Juta (Siaran Media). Unit Komunikasi Korporat, KKBPKT, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2013) Perangkaan Pendidikan Negara Sektor Pengajian Tinggi 2012. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Kurokawa K (2001) *Architects and associates: The philosophy of symbiosis from the age of the machine to the age of life*. Edizioni Press, Inc., London.
- Lange M (2004) *Building Institutional Capacity for Conflict-Sensitive Practice: The Case of International NGOs*. International Alert, London.
- Majlis Daerah Maran (MDM) (2010) Rancangan Tempatan Daerah Maran 2020. JPBD, KPKT, Kuala Lumpur.
- Pitzl GR (2004) *Encyclopedia of Human Geography*. Greenwood Pub., Westport, USA.
- Preston PW (1996) *Development theory - An introduction*. Blackwell Pub., Oxford, UK.
- Preston PW (2011) *New Trends in Development Theory: Essays in Development and Social Theory*. Routledge, London.
- Sachs W (ed) (1992) *The development dictionary: A guide to knowledge as power*. Zed Books, London.
- Sengupta A, Negi A, Basu M (eds) (2005) *Reflections on the right to development*. Sage Pub., London.
- Smith LM, Reilly KMA (2013) *Open development: Networked innovations in international development*. The MIT Press, Cambridge.
- Syari'ati A (1986) *What is to be done: The enlightened thinkers and an Islamic renaissance* (terj.). The Institute for Research and Islamic Studies, Houston, Texas.
- Syari'ati A (1989) *Membangun masa depan Islam; Pesan untuk para intelektual muslim*. Pustaka Mizan, Bandung.
- Syed Hussein Alatas (2000) *Cita sempurna warisan sejarah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- United Nations (2011) *UN declaration on the right to development*. United Nations, Geneva.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2005) *Pembangunan di Malaysia ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*. Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Kuala Lumpur.
- Willis K (2005) *Theories and practices of development*. Routledge, London.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014) *Negara sejahtera: Rahmat untuk semua - Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur*. Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd., Bandar Baru Nilai.